

Kukuhkan perpaduan

Um - 4/8/2007

KOTA BHARU 3 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta seluruh pimpinan UMNO mengukuhkan perpaduan dalam parti dengan menghentikan cakap-cakap berhubung pemilihan parti itu.

Menurut Presiden UMNO, apa yang penting sekarang ialah parti perlu memainkan peranan menyokong kerajaan untuk menjayakan rancangan pembangunan negara kerana ia akan dinilai oleh rakyat dalam pilihan raya umum akan datang.

"Kita kena beri perhatian kepada pembangunan. Kejayaan kita nanti (pada pilihan raya) bukan diasaskan kepada politik sesama kita. Lepas pilihan raya, barulah (kita) cakap pasal pemilihan parti.

"Jadi, sekarang berilah perhatian kepada apa yang parti patut buat iaitu beri sokongan kepada kerajaan untuk menjayakan rancangan-rancangan pembangunan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Operasi dan Pelancaran Pelan Pembangunan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di kampus sementara universiti itu di Pengkalan Chepa dekat sini hari ini.

Pemilihan

Abdullah diminta mengulas cakap-cakap tentang pemilihan parti di kalangan pemimpin dan ahli UMNO walaupun pemilihan parti itu hanya akan diadakan selepas pilihan raya umum.

Menurut Perdana Menteri, anggota UMNO perlu ingat bahawa penentuan kemenangan pada pilihan raya adalah terletak kepada sejauh mana sesebuah parti mampu memberi khidmat kepada rakyat.

"Lebih-lebih lagi mereka akan ukur parti mana yang terbukti kebolehan, kemampuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam memenuhi kehendak rakyat.

"Semua parti kata dia kuat, tapi soal rakyat mahu atau tidak itu soal lain, jadi kenalah beri khidmat," jelasnya.

Sementara itu, ditanya berhubung tuntutan Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M. Kayveas supaya PPP diberikan lebih banyak kerusi pada pilihan raya umum akan datang, Abdullah berkata, soal pengagihan kerusi hanya akan diputuskan apabila tiba pilihan raya.